

Pertandingan Mekanisasi Minyak Sawit Tawar Hadiah Wang Tunai Lebih RM1 Juta
Bernama
4 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan Pertandingan Antarabangsa Mekanisasi Minyak Sawit (IPCOM) yang menawarkan hadiah wang tunai lebih RM1 juta.

ICOPM, yang bermula bulan ini, bertujuan mempromosi pembangunan teknologi yang akan meningkatkan tahap mekanisasi dalam sektor hiliran minyak sawit negara supaya industri itu kurang itu bergantung kepada tenaga buruh.

Mengumumkan pertandingan itu pada pelancaran Pameran dan Persidangan Minyak Sawit dan Laurik (POC 2014) di sini Selasa, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata industri minyak sawit, terutama kegiatan hiliran, terlalu bergantung kepada tenaga buruh.

"Saya yakin usaha ini akan memberi sumbangan dalam mengilhamkan idea baharu dan inovatif daripada pihak industri dan penyelidik dengan mengambil kira keperluan untuk meningkatkan kegiatan mekanisasi dalam sektor minyak sawit," katanya.

Pertandingan itu terbahagi kepada empat kategori iaitu penciptaan dan inovasi, terutama teknologi penuaian, pengumpulan timbunan sawit, teknologi pemindahan buah sawit dan teknologi penjagaan pokok.

Pemenang setiap kategori akan memenangi hadiah wang tunai RM500,000. Satu hadiah khas RM1 juta akan diberikan kepada pemenang utama teknologi mekanisasi yang boleh mengubah industri minyak sawit.

Sebuah panel bebas profesional unggul dan antarabangsa akan dilantik untuk menilai semua penyertaan, dengan setiap penggunaan dan fungsi ciptaan akan dinilai dan ini akan membuka jalan kepada pengkomersilan teknologi berkenaan.

Tarikh tutup penyertaan adalah 31 Mei 2014 dan butir terperinci pertandingan boleh didapati di www.mpob.gov.my/ICOPM.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019201>